



SIARAN MEDIA BERSAMA

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA DAN MENARA KUALA LUMPUR

CAHAYA BIRU DAN EMAS SINARI MENARA KUALA LUMPUR SIMBOLIK 50 TAHUN PENUBUHAN KAWASAN RUKUN TETANGGA

Menara Kuala Lumpur, mercu tanda ikonik negara akan disinari cahaya lampu berwarna biru dan emas pada hari ini, **17 hingga 19 September 2025** sebagai simbolik ulang tahun ke-50 penubuhan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di negara ini.

Sejak ditubuhkan pada tahun 1975, KRT telah memainkan peranan penting dalam memupuk semangat kejiranan, meningkatkan keselamatan komuniti, serta memperkukuh nilai-nilai harmoni selaras dengan aspirasi **Malaysia MADANI** dan prinsip **Rukun Negara**.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata, “KRT menjadi **nadi utama KPN** dalam usaha **memperkukuh perpaduan di peringkat akar umbi**. Selama lima dekad, KRT menjadi **jambatan yang menyatukan pelbagai kaum dan agama dalam memperkasa semangat kejiranan, memelihara aspek keselamatan serta meningkatkan ekonomi komuniti setempat**. Saya merakamkan terima kasih atas kerjasama Menara Kuala Lumpur dalam menjayakan inisiatif sambutan ini”.

Sementara itu, Tuan Khairil Faizal Othman, Ketua Pegawai Eksekutif LSH Service Master Sdn.Bhd selaku pengendali Menara Kuala Lumpur berkata, pihak Menara Kuala Lumpur berbesar hati dapat bersama-sama Kementerian Perpaduan Negara meraikan sambutan 50 Tahun Kawasan Rukun Tetangga. Sebagai mercu tanda ikonik negara, Menara Kuala

Lumpur sentiasa menyokong inisiatif yang membawa mesej perpaduan dan kebersamaan rakyat. Penyalaan lampu khas ini bukan sahaja simbol sokongan, tetapi juga satu penghormatan kepada peranan besar KRT dalam menyatukan komuniti sejak lima dekad lalu.”

Sehingga kini, terdapat **8,586 KRT di seluruh negara** merangkumi lapan (8) lapan bidang tumpuan utama, iaitu Ekonomi dan Sara Hidup, Keselamatan dan Ketahanan Komuniti, Kepimpinan, Kesejahteraan Komuniti, Pembelajaran Sepanjang Hayat, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya serta Daya Cipta.

Selepas separuh abad, KRT kekal sebagai mercu tanda perpaduan masyarakat majmuk, penggerak komuniti progresif, dan nadi kesejahteraan rakyat.

**Kementerian Perpaduan Negara dan
Menara Kuala Lumpur**

17 September 2025

KPN.100-9/1/16 (80)